



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 103 1980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBADILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHID BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K. SELVARAJU

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR. KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN ABD RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARAN/2026(2)

2 JANUARI 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE- 02/2026: **ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL** **UNTUK MENJALANI PROGRAM LATIHAN TRAINED NEPALESE GUARD (TNG)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama ini diedarkan surat arahan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Rujukan: DN.K.S.700-3/1/14 (13) bertarikh 23 Disember 2025 yang mewajibkan pengawal keselamatan warganegara Nepal untuk menjalani Program Latihan *Trained Nepalese Guard* (TNG) bagi Tahun 2026. Turut dilampirkan adalah jadual latihan bermula bulan Januari 2026 sehingga Disember 2026.

3. Bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian tahun 2027, syarikat diwajibkan memenuhi jumlah kuota Latihan TNG seperti yang ditetapkan melalui surat KDN berkenaan, berdasarkan baki jumlah pengawal keselamatan Nepal yang masih belum menghadiri Program Latihan TNG.

4. Ahli disarankan untuk mematuhi panduan seperti yang dijelaskan di Portal e-PIKM melalui pautan <https://www.pikm.my/tng-training/> berhubung garis panduan, potongan yuran latihan sebanyak RM150.00 terhadap peserta berdaftar yang gagal menghadiri latihan, pelaksanaan *Cut Off Time* pendaftaran dan bayaran latihan, penggunaan Sistem FPX sepenuhnya sebagai medium pembayaran bagi pendaftaran kursus latihan serta maklumat lain yang berkaitan.

5. Syarikat juga perlu peka dengan sebarang pindaan jadual latihan yang akan dimaklumkan melalui Portal e-PIKM dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

KAPT SHAHARUDDIN BIN SAMSI
SETIAUSAHA KEHORMAT
b.p. Presiden



Rujukan : KDN.K.S 700-3/1/14 (13)

Tarikh : 23 Disember 2025

YBhg. Datuk Ubaidillah bin Iman

Presiden

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)

No. 708, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre

Jalan SS 7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor

YBhg. Datuk,

ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI PROGRAM *TRAINED NEPALESE GUARDS* (TNG)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. *Latihan Trained Nepalese Guards (TNG)* merupakan latihan asas yang diwajibkan kepada pengawal keselamatan warganegara Nepal yang berkhidmat dalam industri keselamatan di Malaysia. Latihan ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai budaya, adat resam serta norma kehidupan di negara ini bagi memastikan kesesuaian dan pematuhan mereka terhadap kehendak industri keselamatan tempatan. Program latihan berkenaan dikendalikan oleh Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) dengan kerjasama pelatih-pelatih bertauliah dari institusi yang diiktiraf.

3. Semua syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 diwajibkan untuk memenuhi kuota latihan pengawal keselamatan warganegara Nepal (TNG) bagi tahun 2026 sebagai syarat kelayakan untuk dipertimbangkan dalam pembaharuan Lesen Agensi Persendirian pada tahun berikutnya. Ketetapan kuota adalah seperti berikut:

Baki jumlah pengawal keselamatan warganegara Nepal yang masih belum menghadiri latihan TNG pada tahun 2026	Kuota Latihan TNG
101 pengawal dan ke atas	Minimum 20%
Kurang daripada 100 pengawal	Minimum 20 orang

4. Untuk makluman YBhg. Datuk, penetapan kuota ini adalah berdasarkan jumlah baki pengawal keselamatan warganegara Nepal yang masih belum menghadiri Program Latihan TNG. Pengiraan kuota latihan tersebut akan digunakan sebagai asas penilaian dalam proses pembaharuan Lesen Agensi Persendirian bagi tahun berikutnya.

5. Sehubungan itu, PIKM dipohon untuk merancang pelaksanaan latihan berkenaan serta memastikan hebahan mengenai penganjurannya dibuat kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK ZULKIFLI BIN ABIDIN)

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam

b.p: Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

JADUAL PROGRAM LATIHAN TRAINED NEPALESE GUARD (TNG) TAHUN 2026

BULAN	TARIKH	SIRI	PUSAT LATIHAN	ZON	KAPASITI
JANUARI	12 - 13	SIRI 1	Kem Bumi Jati, Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor	Tengah	200
	19 - 20	SIRI 2		Tengah	200
	26 - 27	SIRI 3		Tengah	200
FEBRUARI	03 - 04	SIRI 4		Tengah	200
	09 - 10	SIRI 5		Tengah	200
	11 - 12	SIRI 6		Tengah	200
	23 - 24	SIRI 7		Tengah	200
MAC	02 - 03	SIRI 8		Tengah	200
	09 - 10	SIRI 9		Tengah	200
	11 - 12	SIRI 10		Tengah	200
	16 - 17	SIRI 11		Tengah	200
APRIL	06 - 07	SIRI 12		Tengah	200
	13 - 14	SIRI 13		Tengah	200
	20 - 21	SIRI 14		Tengah	200
	27 - 28	SIRI 15		Tengah	200
MEI	04 - 05	SIRI 16		Tengah	200
	11 - 12	SIRI 17		Tengah	200
	18 - 19	SIRI 18		Tengah	200
	20 - 21	SIRI 19		Tengah	200
JUN	02 - 03	SIRI 20		Tengah	200
	08 - 09	SIRI 21		Tengah	200
	15 - 16	SIRI 22		Tengah	200
	22 - 23	SIRI 23		Tengah	200
	29 - 30	SIRI 24		Tengah	200
JULAI	06 - 07	SIRI 25		Tengah	200
	13 - 14	SIRI 26		Tengah	200
	20 - 21	SIRI 27		Tengah	200
	27 - 28	SIRI 28		Tengah	200
OGOS	03 - 04	SIRI 29		Tengah	200
	10 - 11	SIRI 30		Tengah	200
	17 - 18	SIRI 31		Tengah	200
	26 - 27	SIRI 32		Tengah	200
SEPTEMBER	01 - 02	SIRI 33		Tengah	200
	07 - 08	SIRI 34		Tengah	200
	14 - 15	SIRI 35		Tengah	200
	21 - 22	SIRI 36		Tengah	200
	28 - 29	SIRI 37		Tengah	200
OKTOBER	05 - 06	SIRI 38		Tengah	200
	12 - 13	SIRI 39		Tengah	200
	19 - 20	SIRI 40		Tengah	200
	26 - 27	SIRI 41		Tengah	200
NOVEMBER	02 - 03	SIRI 42		Tengah	200
	11 - 12	SIRI 43		Tengah	200
	16 - 17	SIRI 44		Tengah	200
	23 - 24	SIRI 45		Tengah	200
	30 NOV - 01 DIS	SIRI 46		Tengah	200
DISEMBER	07 - 08	SIRI 47		Tengah	200
	14 - 15	SIRI 48		Tengah	200
	21 - 22	SIRI 49		Tengah	200
	28 - 29	SIRI 50		Tengah	200
JUMLAH					10000